

Media Title : Berita Harian
Headline : Lebih RM2j lebur ditipu 'pegawai siber sekuriti'
Date : 17 December 2025
Section : Nasional
Page : 18



Lebih RM2j lebur ditipu 'pegawai siber sekuriti'

Georgetown: Pengurus syarikat swasta kerugian RM2.54 juta selepas terperdaya dengan sindiket penipuan panggilan telefon menyamar sebagai pegawai siber sekuriti.

Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk Azizee Ismail, berkata lelaki berusia 54 tahun itu membuat laporan polis di Bahagian Siasatan Jenayah Komersial Ibu Pejabat Polis Daerah Timur Laut pada Ahad lalu selepas menyedari menjadi mangsa penipuan.

"Pada 21 Februari lalu, ketika berada di rumahnya di Georgetown, mangsa menerima panggilan telefon daripada lelaki yang memperkenalkan diri sebagai pegawai siber sekuriti yang memaklumkan ada 16 aduan terhadap nombor telefon mangsa yang dikatakan terbabit dalam kes tipu pelaburan serta penyebaran maklumat palsu.

"Mangsa yang menafikan perkara itu diminta membuat laporan polis

secara dalam talian dan panggilan itu kononnya disambungkan kepada seorang pegawai polis dari Bukit Aman. Suspek yang menyoal siasat mangsa memberitahu beliau juga disyaki terbabit dengan kegiatan pengubahan wang haram serta pengedaran dadah," katanya dalam kenyataan, semalam.

Azizee berkata, suspek yang mengaku sebagai pegawai polis mendakwa waran tangkap dikeluarkan ke atas mangsa dan meminta beliau mengikut semua arahan yang diberikan untuk tujuan siasatan jika tidak mahu ditahan.

Beliau berkata, suspek kemudian meminta mangsa membuka tiga akaun bank berbeza dan meletakkan kad ATM bersama nombor pin dalam satu sampul sebelum diletakkan di bawah pasu di hadapan rumah lelaki itu dan suspek berjanji wang serta kad ATM akan dipulangkan selepas siasa-

tan selesai.

"Bermula 4 Mac hingga 22 September lalu, mangsa membuat pindahan wang sebanyak 12 kali ke dalam tiga akaun bank yang baru dibuka itu dan suspek meminta lelaki berkenaan membuat bayaran tambahan, tetapi sudah kehabisan wang pada 13 Disember," katanya.

Beliau berkata, siasatan lanjut sedang dijalankan, termasuk mengesan rangkaian sindiket penipuan itu dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

BERNAMA

